

22/08/2002

Kembara Puisi IPT di UUM meriah

Ihsan Noorzali

MALAM Kembara Puisi IPT 2002 bersemarak ketika berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada malam 17 Ogos lalu dan hampir 1,000 pelajar membanjiri Tasik Guthrie, Kolej Petronas, tempat berlangsungnya acara.

Majlis seolah-olah memberi penghormatan besar apabila ia dibuka dengan menampilkan penyair veteran tanah air dari Kedah, Affrini Adham, membacakan puisi Sultan Yang Tidak Keseorangan. Affrini masih gagah di gelanggang meskipun sudah lanjut usia.

Pencipta lagu, Adinda Amirul, yang banyak menyumbangkan lagu untuk penyanyi popular tanah air, muncul dengan lagu puisi terbaru ciptaannya, Melayu Baru bernada sinis sambil bermain gitar dan meniup harmonika.

Ladin Nuawi menggeletek penonton dengan puisi jenaka tetapi sinis I Nak Jadi Gini. Suara bapuk dilontarkan sebagai penghayatan kepada inti puisinya yang mengisahkan telatah seorang bapuk, menggamatkan suasana.

Ladin turut mendeklamasikan puisi Sayembara Angguk Kebangsaan yang mengemukakan situasi sebenar perilaku angguk-menggaguk dalam masyarakat negara ini.

Jamaludin D, penyair dari Kedah yang masih prolifik membacakan puisi Pantai dan puisi berbentuk Haiku Di Sempadan Belantara yang diciptanya pada hari berada di UUM.

Kokela a/p Solimuttoo yang berasal Segamat, Johor, siswi Pengurusan Teknologi berketurunan India juga memukau penonton dengan puisinya Aduhai Anak. Kokela persis Saroja Theavy a/p Balakrisnan dan ternyata berpotensi menjadi penulis kreatif.

Dr Ahmad Razali Yusof meskipun sudah melewati usia persaraan, masih bertenaga dengan puisi sinis Al Kisah Tersebutlah Cerita Sebuah Negara yang berkisar mengenai bahasa.

Dan kita merdeka dengan mengangkat bahasa kita

Bahasa menunjukkan bangsa

Bahasa yang kembara dalam luka.

Nurzailani Mohd Nozi, johan Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan 1998 masih unggul menggemakan suaranya melalui puisi Lelaki, Obor dan Si Penjaga Tua, Sazalee Yaacob Tak Terhukum Hutang Ini karya M Said Muharam diikuti Lim Swee Tin dengan puisinya Tak Sungguh Tak Kata.

Mohd Mufsi Lat dari UUM mengimbas puisi Pada Tanah Yang Indah karya Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said dan deklamator cilik, Izz Taufiq Sazalee, yang didatangkan khas dari negeri Cik Siti Wan Kembang memukau hadirin dengan puisi Luka Hang Kasturi.

Pelajar UUM, Jonathan Chu juga bertenaga saat menggemakan puisi Mantera Patriot Bangsa dan Keranamu Malaysia yang kemudiannya dicelahi Sutung Umar RS membacakan puisi Merek a Bercerita Tentang Mahathir.

Sutung tetap menyanjung dan menghormati pemimpin berwibawa negara itu meskipun masyarakat menghamburkan pelbagai kata dan nista terhadap Mahathir.

Universiti Sains Malaysia (USM) menampilkan Prof Ismail Abdullah pada acara ini dan beliau mendeklamasikan puisinya, Intifada serta Wajah Kampung Warga Dunia.

Melegari Kembara Puisi IPTA yang santai-sesantainya sambil menghirup teh panas kelihatan Lim Swee Tin menjual antologi puisi masih `panas'nya, Berkelana Di Belantara Kata. Adinda Amirul kembali menyanyi dengan lagunya Hidup dan paling dinantikan pelajar, Dekan Pembangunan Pelajar, Prof Madya Dr Mohd Fuad Sakdan, yang membacakan puisi Seberkas Pengalaman karya M

Said Harun.

Mohd Fuad dalam ucapan ringkas menganggap program ini sebagai berjaya menghidupkan kegiatan kesenian di UUM khususnya.

IPTA sememangnya perlu memartabatkan puisi selain akademik kerana puisi mampu mengembalikan jati diri dan akar budaya bangsa melalui ekspresi kata-kata yang puitis.

Kita mengagumi komitmen pelajar dan kerjasama IPTA yang selama ini membantu memperkasakan program anjuran Berita Harian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) demi kepentingan dunia kepenyairan tanah air.

Apa sekalipun, IPTA harus melahirkan seramai mungkin penyair dengan daya keintelektualan dalam pengucapan berhubung isu yang relatif dan signifikan dalam lingkaran kehidupan ini.

Sehingga ini, warga IPTA merasakan kampus beku jika tanpa acara baca puisi. Sekalung tahniah buat UUM khususnya Pengetua Kolej Petronas, Muhammad Salleh Ahmad Fadzillah yang setia bersama pelajar dan penyair. Semoga tiada rasa serik dan noktah, malah selepas ini UUM akan bangkit melahirkan penyair berpotensi hasil rangsangan Kembara Puisi Berita Harian - IPT 2002.